



# Aku Akan Membina Jemaat-Ku... (Matius 16:18)





**Aku akan membina jemaat-Ku...**  
**(Matius 16:18)**

**40-Hari Puasa & Doa 2014**  
**(7 Ogos - 15 September)**

# Penghargaan

Kami ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang telah menyumbang lukisan mereka untuk diterbitkan dalam buku doa ini iaitu:

Colin Yeo, Ian Lai, James Goh, Joshua Goh,  
Kieran Goh, Kopi Soh & Tan May Shaun.

Turut dihargai adalah penulis Sarah Kueh yang telah mengarang buku ini.

# Hai!

Wahai anak sekalian,

Selamat datang ke program 40-Hari Puasa dan Doa. Saya bersyukur kerana kamu membuat keputusan untuk menghadap Tuhan berdoa dan berpuasa untuk negara kita. Tuhan menghargai doa kamu dan Dialah yang akan menyambut kamu di sini!

Untuk memulakan doa dan puasa ini, mari kita mulakan dengan soalan berikut...

## Bagaimanakah hubungan kamu dengan Yesus?

**Adakah kamu rapat dengan Dia? Adakah kamu bercerita dengan Dia setiap hari? Adakah kamu rasa Dia mendengar kamu? Adakah kamu mendengar dari Dia?**

Apa yang membuat perubahan di dalam kehidupan iman Kristian kita adalah hubungan kita dengan Yesus.

Walaupun terdapat banyak perkara yang kamu lakukan sebagai seorang Kristian – seperti pergi ke gereja, menyanyi, mendengar cerita Alkitab, menyertai kem, mengajak kawan ke gereja – hanya satu perkara yang paling penting... hubungan kamu dengan Yesus.



## **Jadi bagaimanakah hubungan kamu dengan Yesus?**

Kamu boleh berterus terang... kalau kamu rasa... ya, kadang-kala saya ada bercerita dengan Dia tetapi kadang-kala saya tidak rasa dia berada di dalam hati saya... kamu boleh katakan saja. Setiap orang melalui perkara yang sama, dan kebanyakan orang Kristian turut bergelut dalam hubungan mereka dengan Yesus.


## **Mengapa? Kerana kita tidak meluangkan masa bersama Dia.**

Kita membuat perkara lain yang kita rasa adalah penting... seperti pergi ke gereja, menyanyi, mendengar cerita Alkitab, bla bla bla... TETAPI, kita tidak meluangkan masa bersama Dia! Kita fikir doa yang singkat adalah memadai, atau kita berdoa saja di gereja bersama kawan atau cikgu.

**Tetapi sebenarnya, itu semua tidak mencukupi.** Kamu perlu meluangkan masa bersama Yesus, berdoa dan bercerita dengan Dia, duduk pada kaki-Nya untuk mendengar apa yang Dia ingin katakan. Itu yang membawa perubahan ke dalam hati dan hidup kamu sebagai orang Kristian. Dengan demikian, apabila kamu pergi ke gereja, kamu melakukannya untuk Yesus. Apabila kamu menyanyi, pujianmu untuk Dia! Apabila kamu mendengar cerita Alkitab, kamu mendengar Dia bercakap dengan kamu. Hubungan kamu dengan Yesus yang membawa perubahan kerana ia menjadikan semua perkara yang kamu lakukan bermakna!



**Tahun ini, saya menggalakkan kamu untuk menggunakan buku doa dan puasa ini untuk bertambah intim dengan Yesus. Itu adalah penting.**



Mari kita berdoa bersama-sama:

Tuhan Yesus, saya ingin lebih intim dengan Engkau. Saya berterima kasih Engkau telah membuka jalan untuk saya menghadap Mu, membuka hati saya kepada-Mu, dan memberi segala yang ada dalam hati saya kepada Mu.

Terima kasih juga kerana berkongsi hati-Mu dengan saya. Terima kasih kerana menyatakan kepada saya hasrat-Mu apabila saya berdoa, dan membolehkan saya memahami perasaan Mu.

Dalam 40 hari ini, tolonglah saya untuk lebih intim dengan Engkau. Ajarlah saya untuk meluangkan masa bersama-Mu. Ajarlah saya membuka hati saya kepada Mu. Ajarlah saya untuk mendengar suara-Mu, dan tolong saya untuk mendekati-Mu supaya saya tahu Engkau ada di hati saya, mendengar doa saya.

Dalam nama Yesus, saya berdoa, amin.

Jika kamu mengucapkan doa ini dari hati kamu, Tuhan tentu gembira! Sikap inilah yang akan menjadikan 40-hari yang akan datang penuh makna.

Okey, jadi apa yang kita akan puasa dan doakan pada tahun ini?

Fokus tahun ini adalah **'Aku akan membina jemaat-Ku'**.

Yesus mengistiharkan di Matius 16:18 bahawa Dia akan membina jemaat-Nya, dan pintu neraka tidak akan mengatasinya. Yesus sendiri akan membina jemaat yang kuat walaupun diserang oleh musuh.



Tahun ini, kita berdiri atas janji Yesus untuk membina jemaat-Nya dan meminta Dia untuk membina jemaat yang KUAT di Malaysia.

Saat ini, negara kita sedang menghadapi cabaran satu demi satu yang mengegarkan tanah Malaysia. Pada masa ini, gereja Malaysia harus KUAT supaya kita boleh terus berdoa dengan KUASA untuk negara kita.

Kita akan berdoa dan berpuasa supaya gereja Malaysia akan:

- Mempunyai **hubungan intim** dengan Yesus
- **Bersatu**
- Mempunyai kekuatan untuk menghadapi **cabaran**
- Menjawab panggilan Tuhan untuk **memuridkan** yang lain
- Fokus pada pembangunan **kerajaan Tuhan**
- **Bersinar** untuk Tuhan di Malaysia


# Apakah cara doa mingguan yang akan digunakan?

**Setiap minggu, ada mazmur untuk renungan kamu.**

Renungan adalah memikirkan sesuatu secara mendalam... menyelami Firman Tuhan supaya bersemadi di dalam hati kamu.

Mazmur adalah suatu buku yang istimewa dalam Alkitab kerana **mazmur sebenarnya adalah doa!** Kamu boleh menggunakan Mazmur untuk membantu kamu berdoa kepada Tuhan, terutamanya apabila kamu tidak tahu bagaimana untuk memulainya. Tiada satu cara yang tepat untuk berdoa berpandukan Mazmur, tetapi setiap minggu, terdapat beberapa cadangan untuk membantu kamu berdoa. Kamu boleh mencuba apa yang dicadangkan setiap hari sebelum kamu bermula dengan bahan doa.

**Satu yang penting perlu kamu ingat adalah kamu boleh menjadikan setiap Mazmur sebagai doa KAMU.** Gunalah Mazmur itu untuk memberi buah fikiran dan hati kamu kepada Yesus, dan Dia akan mendekatkan Dirinya pada kamu.



# Berpuasa

Berpuasa adalah satu cara yang penuh kuasa untuk mendekatkan diri kepada Yesus. Apabila kita berpuasa, kita merendahkan diri dan berkata kepada Tuhan, 'Saya serius tentang apa yang saya doakan.'

**Ada beberapa cara untuk berpuasa. Kamu boleh:**

- **Berpuasa satu hidangan** (contohnya: sarapan, masa rehat, makanan tengahari, atau makan malam)
- **Berpuasa semua hidangan utama dan minum cecair sahaja.** (Lakukan ini hanya dengan kebenaran ibu bapa. Kamu boleh minum sesuatu yang bernutrisi atau mengenyangkan seperti Milo untuk memastikan badan kamu kekal kuat).
- **Berpuasa satu jenis makanan** (contohnya: daging, sayur, nasi).
- **Berpuasa makanan kegemaran** (contohnya: coklat, nasi, spaghetti).
- **Berpuasa sekali seminggu** (mungkin pada hari Sabtu, apabila tidak bersekolah).
- **Berpuasa hobi kegemaran** (contohnya: melayari Facebook atau menonton TV).



Setiap kali kamu merasa lapar atau rindu hobi kegemaran kamu, tumpuhkan perhatian anda kepada Tuhan. Inilah masanya untuk mengingatkan diri kita betapa pentingnya Tuhan daripada apa yang kamu makan atau suka!

# Minggu 1: Gereja-Ku (Pengantin Perempuan)


## Kasih dengan Ghairah!

Alkitab menggambarkan kita dengan pelbagai cara – sebagai anak Tuhan, kawan Tuhan, pelayan setia Tuhan... tetapi tahukah kamu yang kita (sebagai gereja) juga digambarkan sebagai pengantin perempuan-Nya?

Pengantin perempuan adalah seorang wanita yang bakal berkahwin – pada hari perkahwinannya, dia tidak sabar untuk mengahwini Dia yang

dicintainya! Sebagai pengantin perempuan Kristus, adakah kamu tidak sabar untuk bertemu dengan Yesus, pengantin lelaki kamu? Adakah kamu sedang menantikan Dia, rindu untuk bersama-Nya?

Apabila Yesus pulang, dia akan datang kembali untuk menjemput pengantin perempuan-Nya – iaitu Gereja-Nya, di mana Dia telah mengorbankan Diri untuk jemaat-Nya. Adakah kita bersedia untuk bertemu dengan-Nya?



# DOAKAN SERANGKAP MAZMUR

Minggu ini, mari kita meminta Tuhan untuk membantu kita menumpukan perhatian dan hati kita kepada pengantin lelaki kita – Yesus!

Seperti seorang pengantin perempuan yang tidak sabar untuk berkahwin dengan Dia yang dicintainya, mari kita meminta Tuhan memenuhi hati kita dengan keterujaan untuk hari perkahwinan kita!



Minggu ini, kita akan merenung **Mazmur 45** – sebuah lagu kahwin. Gunakan Mazmur ini untuk mengenali Yesus dengan lebih mendalam. Cara terbaik untuk membaca Mazmur adalah dengan membacanya seperti kata-kata kamu sendiri.

**Berikut adalah cadangan yang kamu boleh gunakan setiap hari:**

**Hari 1: Baca Mazmur itu dengan suara kuat.**

**Apakah perkataan yang digunakan untuk menggambarkan pengantin lelaki dan perempuan? Tuliskan.**

Pengantin Lelaki: Contohnya – Kehebatan

Pengantin Perempuan: Contohnya – Kecantikan

**Hari 2: Bolehkah kamu menggambarkan dalam minda kamu sebuah lakaran tentang pengantin lelaki? Guna imaginasi kamu!**

**Gunakan perkataan-perkataan ini untuk membantu kamu:**

Pedang, Kuda, Pemanah, Tongkat Sakti, Minyak Keriangan, Jubah, Pengiring Pengantin Perempuan, Pengantin Diraja.

**Bayangkan pengantin perempuan akan bertemu dengan pengantin lelaki. Bolehkah kamu menggambarkan senario dalam minda kamu seperti menonton video?**

**Gunakan perkataan-perkataan ini untuk membantu kamu:**

Yang mulia, dalam bilik tidurnya, gaun, gaun pengantin yang cantik, dibawa menghadap raja, pengiring pengantin perempuan mengikut, diikuti dengan suka cita dan kelegaan hati, memasuki istana diraja.

**Hari 3: Apakah kualiti baik seorang pengantin perempuan?**

**Namakan 3 manfaat yang akan dinikmati kerana perkahwinan yang indah ini.**

---

---

---

**Hari 4: Yesus adalah pengantin lelaki, dan kamu (sebahagian daripada gereja) adalah pengantin perempuan-Nya. Fikirkan persoalan berikut.**

Pernahkah kamu membayangkan kemuliaan Yesus?

Sebagai pengantin perempuan-Nya, pernahkah kamu memikirkan betapa istimewanya kamu?

Adakah kamu teruja tentang masa depan kamu?

Adakah kamu bersedia untuk bertemu dengan pengantin lelaki?

**Luangkan masa hari ini untuk memuji Yesus untuk Dirinya yang sebenar dan bersuka cita tentang betapa istimewanya kamu.**





# Bahan Doa

**HARI 1**

**7 Ogos**

'Yesus harus makin besar; aku harus makin kecil'

**Makanan rohani ~ Yohanes 3:22 – 30**

Seperti Yohanes, adakah kamu ketua pengiring pengantin lelaki kepada Yesus? Adakah kamu menginginkan Yesus menerima semua perhatian, ataupun kamu mahukan perhatian itu pada diri sendiri?

Hari ini, mari berdoa supaya gereja akan menjadi pengantin perempuan Yesus seperti Yohanes, membenarkan dia yang dicintai menerima pujian dan perhatian. Doakan supaya:

- Setiap orang Kristian akan menjadi seperti Yohanes
- Setiap orang Kristian akan ingin menjadi pengantin perempuan Yesus, iaitu gereja, untuk bertumbuh.

**HARI 2**

**8 Ogos**

Kami adalah pengantin perempuan Yesus!

**Makanan rohani ~ Yesaya 62:5**

Perkahwinan adalah suatu majlis yang menggemirakan, bukan? Alkitab menyatakan gereja adalah pengantin perempuan Yesus... itu adalah sesuatu yang penuh dengan suka cita. Hari ini, mari:

- Bergembira dan bersyukur pada Tuhan atas kasih sayang-Nya yang mendalam untuk kita.
- Berdoa kepada Tuhan untuk membuka mata setiap orang Kristian untuk melihat Yesus sebagai pengantin lelaki yang teruja tentang mereka, pengantin perempuan!

**HARI 3**

**9 Ogos**

Bersiap sedia untuk Yesus

**Makanan rohani ~ Matius 25:1-13**

Sebagai pengantin perempuan Yesus, sikap kita harus seperti lima anak dara yang bijak, bukan lima anak dara yang bodoh. Apakah yang harus kita lakukan jika pengantin lelaki kelihatan 'lewat' untuk perkahwinan? Adakah kita akan menukar pakaian kahwin dan memakai baju tidur pula? Kalau pengantin lelaki tiba-tiba muncul, bayangkan betapa paniknya kita kerana tidak bersedia!

Hari ini, mari berdoa supaya:

- Orang Kristian sedia menjalani kehidupan suci dan kudus yang menyenangkan hati-Nya.
- Orang Kristian akan mentaati perintah Yesus untuk memberitahu orang lain bahawa Dia mengasihi mereka dan telah turun ke bumi untuk menyelamatkan mereka daripada dosa.



HARI 4

10 Ogos

Setia kepada Yesus

Makanan rohani ~ 2 Kor 11:2

Jika dua orang saling mengasihi, mereka akan saling setia. Satu daripada perkara yang paling menyakitkan hati adalah apabila salah seorang daripada pasangan itu menjadi tidak setia... maksudnya, dia membuat keputusan untuk mengasihi orang lain dan tidak memastikan kasih mereka tulen dan benar.

Hari ini, mari berdoa untuk gereja supaya:

- Memelihara kesucian dan kesetiaan kepada Yesus dan tidak mencintai kebendaan seperti kekayaan atau populariti.
- Sentiasa mengingati betapa dalamnya kasih Yesus kepada gereja sehingga Dia menderita dan mati di atas salib untuk kita.



# Minggu 2: Bertumbuh Dalam Keintiman Dengan Kristus

## Kasih yang mendalam!


**Sabtu yang lalu kita membaca cerita tentang sepuluh orang anak dara yang menunggu ketibaan pengantin lelaki.** Apabila dia muncul pada tengah malam, lampu minyak yang digunakan sudah mula malap kerana kekurangan minyak. Lima anak orang dara yang bijak membawa minyak lebih, tetapi lima orang anak dara bodoh tidak mempunyai minyak untuk mengisi semula tangki lampu mereka. Pada masa yang genting ini, mereka meminta minyak dari lima orang anak dara yang bijak tetapi ditolak. Tanpa minyak dan pilihan lain, mereka pergi untuk membeli minyak dari penjual. Tetapi sedihnya, apabila mereka kembali, pengantin lelaki sudah tiba dan majlis perkahwinan telah bermula tanpa mereka. Apabila mereka sampai ke tempat majlis, pintu sudah ditutup lalu mereka berteriak di luar pintu tertutup, 'Tuan, Tuan, buka pintu untuk kami!'. Pengantin lelaki menjawab, 'Sesungguhnya saya beritahu kamu, saya tidak kenal kamu.'

**Betapa sedihnya cerita ini tentang lima orang anak dara yang bodoh.** Cerita ini tidak seronok untuk dibaca, tetapi ada sesuatu pelajaran penting yang ditujukan pada gereja.

Sebagai gereja kita adalah seperti anak-anak dara itu, setiap seorang memegang sebuah lampu minyak. Demi memastikan lampu kita sentiasa terang, kita perlu memastikan kita mempunyai minyak yang mencukupi.

**Hidup kita adalah seperti lampu minyak.** Tujuan kita adalah untuk bersinar terang untuk Tuhan sementara kita berada di bumi.

**Hubungan kita dengan Yesus adalah seperti minyak.** Kita perlu mempunyai hubungan yang intim dengan Yesus supaya hidup kita boleh bersinar terang untuk Tuhan.



Apabila kita lalai dan tidak intim dengan Yesus, kita tidak boleh bersinar terang untuk Tuhan dan kita juga mungkin berhenti bersinar sepenuhnya.

Jadi bagaimanakah hubungan kamu dengan Yesus? Adakah kamu pasti kamu mempunyai minyak yang mencukupi?

**Minggu ini, kita akan berdoa untuk gereja Malaysia supaya mempunyai hubungan intim dengan Yesus.**

# BERDOA BERPANDUKAN MAZMUR

Minggu ini, mari kita merenung Mazmur 63.

**Berikut adalah cadangan yang kamu boleh gunakan setiap hari:**

## Hari 1

Baca Mazmur dengan suara kuat. Pada pendapat kamu, bagaimanakah kedengarannya pemazmur itu apabila dia berdoa dengan mazmur ini? Bayangkan dia berdoa dengan mazmur ini.

## Hari 2

Adakah pemazmur itu mengalami sentuhan Tuhan? Di mana? Apa yang dia lihat mengenai Tuhan yang membuatnya terpegun dengan kagum?

## Hari 3

Pada pendapat kamu, betapa dalamnya kasih pemazmur itu kepada Tuhan? Bahagian mana dalam doa dia yang kamu berkenan?

## Hari 4

Apakah cara yang digunakan

oleh pemazmur itu untuk mendeklamasikan kasihnya pada Tuhan?

## Hari 5

Adakah kamu memikirkan Tuhan apabila kamu terlantar di katil pada waktu malam? Pemazmur itu memikirkan Tuhan biarpun malam sudah menjelang. Apakah yang ditunjukkan menerusi aksi ini tentang betapa dalamnya kasih dia pada Tuhan?

## Hari 6

Fikirkan betapa dalamnya kepercayaan pemazmur ini kepada perlindungan Tuhan. Bayangkan apa yang dia rasai dalam hatinya.

## Hari 7

Ambil bahagian yang kamu senang dalam mazmur ini dan doakan pada Tuhan.



# Bahan Doa

**HARI 1**

**11 Ogos**

Mengasihi Tuhan walaupun kita diuji

**Makanan rohani ~ Kejadian 22:1-19**

Apa yang Tuhan minta Abraham melakukan sesuatu yang sukar – iaitu untuk mengorbankan anak lelakinya. Tetapi Tuhan senang dengan Abraham kerana dia mengasihi dan mempercayai Tuhan sepenuhnya untuk mentaati Dia walaupun ianya amat menyakitkan, mencabarkan atau tidak masuk akal. Apa yang kamu akan lakukan apabila kasih dan kepercayaan kamu pada Tuhan diuji? Adakah kamu tetap mempercayai, mengasihi, memuji dan mentaati Dia walaupun dalam situasi yang mencabar? Hari ini, mari kita :

- Memikirkan tentang betapa dalamnya kasih Tuhan kepada kamu. Dalam Roma 8:35-39, kasih Tuhan kepada kita dijelaskan dengan penuh kuasa. Minta Tuhan membantu kamu melihat dan memahami betapa dalamnya Dia mengasihi kamu.
- Minta Tuhan membantu kamu mengasihi dan mempercayainya seperti yang dilakukan oleh Abraham.

**HARI 2**

**12 Ogos**

Memilih untuk fokus pada Yesus

**Makanan rohani ~ Lukas 10:38-42**

Kita boleh menjadi seperti Marta, mengalihkan perhatian melakukan perkara untuk Yesus, atau kita boleh menjadi seperti Maria, memilih untuk menumpukan perhatian pada Dia dan mendengar apa yang Dia ingin katakan. Pilihan Maria adalah lebih

baik – meluangkan masa untuk mendengar kata Yesus dan menumpukan perhatian pada-Nya. Hari ini, mari kita:

- Minta Tuhan membantu kita memilih yang lebih baik – untuk menghadap dan belajar daripada-Nya.
- Minta Tuhan untuk memberi kita rehat dan ketenangan ketika kita meluangkan masa bersama-Nya.



**HARI 3**

**13 Ogos**

**Kekal dalam Yesus**

**Makanan rohani ~ Yohanes 15:5**

Yesus adalah pokok anggur, dan kita adalah ranting-ranting yang tumbuh dari-Nya. Seperti ranting, jika kita bersambungan dengan Yesus, kita akan membesar dan menghasilkan buah. Jika kita tidak bersambungan dengan Yesus, bagaimanakah kita boleh membesar? Kita tidak akan mempunyai hidup dalam diri kita dan akan layu lalu mati. Adakah kamu mendapatkan kekuatan kamu dari Yesus? Hari ini, mari:

- Berterima kasih kepada Yesus untuk kekuatan yang diberi-Nya dalam segalanya.
- Minta Tuhan membantu kita kekal dalam Yesus – untuk memuji Dia, belajar dari Dia dan mempercayai Dia untuk segalanya.

**HARI 4**

**14 Ogos**

**Mematuhi Kata-kata-Nya**

**Makanan rohani ~ Yohanes 15:7-8**

Kata-kata Yesus kekal dalam kita apabila kita mentaati Dia. Adakah kamu mentaati segala yang Yesus ajarkan dalam Alkitab? Apabila kita mempercayai kata-kata Yesus dan mentaati-Nya, kita sedang mengenapi rencana Tuhan... Dia akan menjawab doa kita, dan kita akan menjadi sebatang ranting yang sedang membesar dengan buah lebat! Kita akan diberkati, justeru itu, memberkati orang lain. Inilah janji indah Tuhan apabila kita mematuhi Firman-Nya. Hari ini, mari kita:

- Bersyukur pada Tuhan atas Firman-Nya yang memimpin kita ke arah yang benar.
- Meminta Tuhan membantu kita mempercayai dan mentaati Firman-Nya.

**HARI 5**

**15 Ogos**

**Membenarkan Roh Kudus memimpin kita**

**Makanan rohani ~ Yohanes 14:26**

Roh Kudus adalah Penolong Agung kita – Dia hidup dalam kita apabila kita percaya kepada Yesus dan bertaubat dari dosa kita. Dalam segala yang kamu lakukan, minta Roh Kudus untuk memimpin kamu – Dia akan mengajar kamu dan mengingatkan kamu tentang kata-kata Yesus supaya kamu boleh dan akan mematuhi-Nya! Hari ini, mari kita:

- Minta Roh Kudus menolong dan memimpin kita dalam segala yang kita lakukan – apa yang kita katakan, fikirkan dan lakukan.

- Minta Roh Kudus menolong kita bertambah intim dengan Yesus.

**HARI 6**

**16 Ogos**

**Mempercayai kasih Bapa**

**Makanan rohani ~ Lukas 15:11-31**

Bahagian paling menarik dalam perumpamaan ini adalah anak yang tidak setia yang mengambil keputusan untuk kembali kepada bapanya untuk bekerja sebagai orang upahan. Dalam cerita ini, bapa melihat anaknya dari jauh dan berlari ke arah anaknya untuk menyambut kepulangnya. Betapa berharganya anak itu kepada bapanya! Yesus memberitahu cerita ini untuk membantu kita memahami kebenaran yang menakjubkan – iaitu Bapa kita mengasihi kita walaupun kita telah berdosa kerana kita amat berharga bagi-Nya! Adakah kamu tahu betapa berharganya kamu kepada Tuhan?

Hari ini, mari kita:

- Bersyukur kepada Tuhan Bapa kita yang menunggu dan menyambut kepulangan kita kepada-Nya dengan tangan terbuka.
- Minta Roh Kudus menunjukkan isu-isu dalam hidup kita yang memerlukan kita meminta ampun dari Tuhan, dan membantu kita pulang ke pangkuan-Nya.



Perumpamaan ini menceritakan empat jenis benih. Apakah yang terjadi kepada benih-benih ini? Daripada apa yang kamu baca hari ini, isi ruang kosong dengan perkataan sendiri.

Jenis benih	Apa yang terjadi
Benih yang ditaburkan di tepi jalan	Pendengar tidak memahami Firman Tuhan dan si jahat merampas benih itu.
Benih yang ditaburkan di tanah berbatu-bata	
Benih yang ditaburkan di tengah semak duri	
Benih yang ditabur di tanah yang baik	

Ada banyak perkara yang boleh menghalang kita daripada bertumbuh di dalam Yesus. Hari ini, mari kita:

- Minta Tuhan menjadikan hati kita seperti tanah yang subur – cepat untuk memahami apa yang Dia katakan, setia walaupun menghadapi cabaran, dan fokus pada Yesus dan bukan kekayaan atau kerisauan hati.
- Minta Tuhan menunjukkan apa yang menghalang kamu daripada mentaati Dia. Minta Dia untuk membuangnya supaya kamu boleh kekal kepada Dia.



# Minggu 3: Gereja Melalui Pencubaan Dan Penderitaan

## **Mengasihi walaupun ianya mencabar!**

Minggu ini, kita akan berdoa supaya gereja Malaysia akan tetap KUAT dalam menghadapi saat yang mencabarkan.

**Gereja Tuhan akan menghadapi musim yang mencabarkan.** Yesus berkata dalam Matius 15:19, 'Sekiranya kamu dari dunia, tentulah dunia mengasihi kamu sebagai miliknya. Tetapi kerana kamu bukan dari dunia, melainkan Aku telah memilih kamu dari dunia, kerana itulah dunia membenci kamu.'

Walaupun kita sedang berdepan dengan masa yang sukar (sudah pasti!), kita tidak perlu takut kerana Yesus adalah kekuatan kita dan Dia akan memastikan kita menempuh dengan jayanya.

Adakah kamu ingat tentang minyak yang mesti kita miliki? Inilah minyak yang mewakili hubungan intim kita bersama Yesus yang akan membolehkan kita berdiri kuat sepanjang masa yang sukar dan mencabarkan. Apa yang lebih hebat daripada semua cabaran yang kita hadapi? Kasih Yesus! Seperti seorang pengantin perempuan yang menumpukan penglihatannya pada pengantin lelaki, hubungan kita dengan Yesus akan membawa kita menempuh ribut dengan jayanya.

# BERDOA BERPANDUKAN MAZMUR

Minggu ini, mari kita merenung Mazmur 55.

**Berikut adalah cadangan yang kamu boleh gunakan setiap hari:**

## Hari 1

Baca dengan suara kuat Mazmur ini. Pada pendapat kamu, bagaimanakah suara si pemazmur itu apabila dia berdoa dengan mazmur ini? Bayangkan dia berdoa dengan mazmur ini.

## Hari 2

Apakah perasaan si pemazmur itu apabila dia menulis mazmur ini. Tuliskan tiga perasaan.

## Hari 3

Bayangkan perasaan sedih dalam hati kamu. Adakah kamu pernah berasa demikian? Bilakah kamu berasa begitu? Apakah yang membuat kamu berasa begitu?

## Hari 4

Bagaimanakah ahli mazmur itu meminta Tuhan membantu dia?

## Hari 5

Pemazmur itu berasa dikhianati (ayat 12-14) – inilah yang menyakitkan hatinya. Apakah perasaan kamu apabila dikhianati oleh seorang kawan rapat? Apa yang kamu telah lakukan pada masa itu?

## Hari 6

Pemazmur itu menangis kuat kepada Tuhan pada waktu petang, pagi dan tengahari (ayat 17). Bayangkan betapa dia berterusan berusaha. Adakah kamu pernah menangis kepada Tuhan sebegitu?

## Hari 7

Bagaimanakah ahli mazmur itu dihibur dan diberi jaminan oleh Tuhan? (ayat 16-23) Di akhir doa itu, ahli mazmur berkata, 'Tetapi aku ini percaya kepada-Mu'. Bayangkan kamu berkata demikian ketika menghadapi cabaran.



## Bahan Doa

**HARI 1**

**18 Ogos**

Menumpahkan kasih kita pada Yesus

**Makanan rohani ~ Matius 26:6-13**

Apabila Maria menuang minyak wangi yang amat mahal pada kepala Yesus, terdapat dua reaksi – satu reaksi tidak gembira daripada para pengikut, dan satu reaksi amat diterima oleh Yesus. Apabila kita mengasihi Yesus dengan seluruh hati kita, biasanya kita kelihatan bodoh pada orang lain, sama seperti Maria kelihatan bodoh pada para pengikut. Tetapi apa yang lebih penting adalah Maria telah menyentuh hati Yesus dan melakukan sesuatu yang bermakna untuk Dia.

Hari ini, mari:

- Minta Tuhan membantu kamu melihat Kecantikan dan Keagungan-Nya... suapay kamu akan mengasihi Dia seperti Maria, tanpa mempedulikan pendapat orang lain.
- Berdoa yang gereja Malaysia akan menumpahkan kasih mereka pada Yesus, seperti yang dilakukan oleh Maria.



**HARI 2**

**19 Ogos**

**Menyayangi Yesus walaupun dibenci orang lain**  
**Makanan rohani ~ Yohanes 15:18-19**

Apabila kita betul-betul menyayangi Yesus, orang-orang kafir mungkin tidak suka pada kita, mengusik kita, menyoal kita atau mencederakan kita. Ini kerana kita bukan seperti mereka dan kita hidup berdasarkan piawaian Yesus, bukan piawaian mereka. Apabila kita menghadapi masalah seperti ini, kita perlu tetap memilih untuk menyayangi Yesus. Hari ini, mari:

- Minta Tuhan membantu kita memahami yang kita milik kerajaan-Nya dan membantu kita berdiri kuat walaupun orang lain membuat jahat pada kita.
- Doa supaya gereja Malaysia akan tetap setia dan taat pada Yesus walaupun orang lain menyukarkannya untuk kita.

**HARI 3**

**20 Ogos**

**Kekal dalam kasih Yesus**  
**Makanan rohani ~ Lukas 23:32-34**

Yesus masih mempunyai hati untuk berdoa bagi musuhnya – walaupun dia digantung pada salib seperti seorang penjenayah. Kasih sebegini adalah mustahil jika kasih Tuhan tidak hadir dalam diri-Nya. Kita juga perlu kekal dalam kasih Yesus supaya kita boleh mengasihi musuh kita seperti yang dilakukan oleh Yesus. Kasihnya yang mendalam dan indah untuk kita yang memberi kita kuasa untuk mengasihi mereka yang membenci kita. Hari ini, mari:

- Minta Tuhan memenuhi hati kamu dengan kasih-Nya supaya kamu boleh mengasihi dan memaafkan musuh kamu.
- Doa supaya gereja Malaysia akan dipenuhi dengan kasih

Tuhan supaya kita boleh mengasihi sebagaimana yang Yesus lakukan apabila kita menghadapi masalah.

HARI 4

21 Ogos

Percaya yang Tuhan mempunyai kuasa ke atas segalanya  
**Makanan rohani ~ Kisah Para Rasul 16:25-26**

Apakah reaksi Paulus dan Silas apabila mereka dipenjarakan? Mereka berdoa, menyembah dan mengundang hadirat Tuhan ke dalam penjara! Walaupun pihak berkuasa ketika itu memasukkan mereka ke dalam penjara, mereka tahu Tuhan mempunyai kuasa yang lebih hebat. Hari ini, mari:

- Bersetuju secara lisan yang Tuhan mempunyai kuasa ke atas hidup kamu, gereja kamu, negara kita dan semua negara di atas bumi.
- Doa supaya gereja Malaysia akan bertindak seperti yang dilakukan oleh Paulus dan Silas apabila menghadapi cabaran – berdoa, menyembah dan mengundang hadirat Tuhan ke dalam negara kita.



**HARI 5**

**22 Ogos**

**Hari 5 (22 Ogos)**

**Bersukacita apabila kita menderita demi Yesus  
Makanan rohani ~ Kisah Para Rasul 5:40-41**

Bersukacita selepas dipukul adalah amat aneh sekali! Walaupun pukulan yang dialami amat menyakitkan dan memalukan, para rasul masih bersukacita kerana mereka tahu ianya adalah suatu hak istimewa untuk menderita demi Yesus – mereka dianggap penuh layak oleh Tuhan! Tuhan menjanjikan bahawa mereka yang berkongsi penderitaan Yesus juga akan berkongsi kemuliaan-Nya. Hari ini, mari:

- Minta Roh Kudus untuk mengingatkan kamu tentang suatu peristiwa di mana kamu menderita demi Yesus. Bersyukur kepada Tuhan yang Dia berkira kamu layak.
- Doa supaya gereja Malaysia akan memahami hak istimewa yang diberi untuk menderita demi Yesus, dan akan bersukacita ketika menghadapi waktu yang mencabarkan.

**HARI 6**

**23 Ogos**

**Tidak sabar untuk ke Syurga**

**Makanan rohani ~ 2 Cor 4:17-18**

Adakah kamu tidak sabar untuk ke syurga? Di situ kamu akan mengalami sukacita dan ketenangan sepenuhnya dan menerima ganjaran PENUH dari Tuhan. Apabila kamu mengetahui yang syurga menanti



kamu, semua cabaran yang kamu hadapi sebagai orang Kristian akan kelihatan kecil – jadi berdiri kukuh dan kuat! Hari ini, mari:

- Berterima kasih kepada Tuhan kerana menyediakan suatu tempat untuk kamu di syurga.
- Doa yang kita, sebagai gereja Malaysia, mempunyai syurga dalam hati kita supaya kita akan kuat apabila menghadapi cabaran.

**HARI 7**

**24 Ogos**

**Kekal benar sehingga pengakhiran  
Makanan rohani ~ Wahyu 21:1-8**

Kita mesti bermula dan BERAKHIR dengan baik. Tuhan menunjukkan kepada kita dalam Firman-Nya yang bumi ini akan berakhir suatu hari, dan akan wujudnya syurga dan bumi baru.


Jika kita kekal benar kepada-Nya dan mengikuti Dia hingga ke pengakhiran, kita akan bersama Dia di syurga dan bumi baru ini. Hari ini, mari:

- Fikirkan janji Tuhan tentang syurga dan bumi baru.
- Doa supaya Tuhan akan membantu kamu dan gereja Malaysia untuk kekal benar kepada Dia tidak kira betapa sukarnya.



# Minggu 4: Kesatuan Dalam Tubuh Kristus

## Kasih sebagai satu!



Minggu ini, kita berdoa supaya gereja Malaysia akan bersatu dalam kasih.

Kesatuan... berdiri bersama-sama dan memiliki kasih keluarga untuk satu sama lain akan membina gereja yang KUAT. Apabila kita bersatu, gereja Malaysia dapat membesar dan membantu orang lain melihat Yesus dalam kita.

# BERDOA BERPANDU MAZMUR

Minggu ini, mari kita merenung Mazmur 133.

**Berikut adalah cadangan yang kamu boleh gunakan setiap hari:**

## Hari 1

Baca secara lisan Mazmur itu. Pada pendapat kamu, bagaimanakah kedengarannya ahli mazmur itu apabila dia berdoa dengan mazmur ini? Bayangkan dia berdoa dengan mazmur ini.

## Hari 2

Bayangkan tuangan minyak bernilai pada kepala, mengalir ke janggut, ke atas kolar jubah. Suatu gambaran yang pelik... bolehkah kamu membayangkannya? Pada pendapat kamu, mengapa ahli mazmur menggambarkan kesatuan dengan cara ini? Bagaimanakah ianya serupa dengan kesatuan?

## Hari 3

Minyak bernilai yang dikatakan oleh ahli mazmur sebenarnya adalah suatu minyak pengurapan istimewa yang disimpan khas untuk Imam Besar. Di sini, ahli mazmur bercerita tentang minyak bernilai yang dituang ke atas kepala imam besar pertama, Aron. Fikirkan bagaimana ahli mazmur membandingkan kesatuan dengan minyak pengurapan istimewa yang disimpan khas untuk Aron. Begitu berharga sekali nilai kesatuan!

## Hari 4

Ahli mazmur membandingkan kesatuan dengan embun pagi Hermon yang dijumpai di Gunung Zio. Embun pagi ini mempunyai kelembapan yang menyuburkan tanah dan mendorong tumbesaran. Fikirkan bagaimana kesatuan di antara anak Tuhan adalah seperti embun pagi ini yang memberi hidup. Bagaimana kesatuan membawa hidup kepada anak Tuhan?

## Hari 5

Betapa pentingnya kesatuan kepada Tuhan? Betapa pentingnya kesatuan kepada kamu?

## Hari 6

Imbas kembali suatu masa di mana kamu mengalami kesatuan... ianya tidak perlu berlaku di gereja. Ianya mungkin di kalangan kawan sekelas, atau ahli keluarga kamu. Apakah perasaan kamu ketika itu? Apakah kebaikan yang didapati daripada peristiwa itu?

## Hari 7

Fikirkan apa perasaan Tuhan tentang perpecahan di antara anak-anak-Nya dalam Kristus. Adakah kamu menyumbang kepada perpecahan dalam gereja? Bertaubat dan minta Tuhan memaafkan kamu jika kamu pernah berbuat demikian. Minta Dia mengubah hati kamu untuk menjadi seperti hati Dia.





# Bahan Doa

**HARI 1**

**25 Ogos**

Menunaikan keinginan Yesus untuk melihat kita  
**BERSATU**

**Makanan rohani ~ Yohanes 17:20-23**

Ketika Yesus menghadapi saat paling gelap semasa nyawa-nyawa ikan di atas salib, dia mengekalkan penglihatan-Nya pada mereka yang Dia sedang selamatkan – Gereja. Inilah doa-Nya, bahawa Gereja akan BERSATU supaya dunia ini akan mempercayai-Nya.

Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan menunaikan keinginan Yesus untuk kita BERSATU.
- Doa supaya gereja Malaysia akan berterusan dalam usaha menjadi SATU badan.

**HARI 2**

**26 Ogos**

Memiliki sikap yang ketuhanan

**Makanan rohani ~ Efesus 4:1-2**

Kesatuan bermula dengan sikap kita. Kita mesti rendah diri, lemah lembut, sabar, tabah (atau bertolak ansur) dan saling mengasihi terhadap satu sama lain. Apakah pertimbangan kamu terhadap kepentingan semua sikap ini? Hari ini, mari:

- Minta Tuhan menjadikan kita rendah diri, lemah lembut, penyabar, tabah dan penuh kasih sayang untuk yang lain.
- Doa supaya Tuhan membantu gereja Malaysia untuk memiliki semua sifat ini supaya kita boleh bersatu dan berdiri bersama.

**HARI 3**

27 Ogos

**Membesar bersama dalam kebenaran dan kasih  
Makanan rohani ~ Efesus 4:11-16**

Untuk bersatu, kita mesti mendewasakan diri! Bagaimana kita membesar secara rohani? Kita perlu membesar bukan bersendirian tetapi bersama satu sama lain, menyampaikan kebenaran kepada satu sama lain dalam kasih. Melalui cara ini, kita boleh mencapai kesatuan dalam iman kita dan pengetahuan kita tentang Yesus, dan tidak menjadi lemah dan tidak acuh dalam segala yang kita percayai. Hari ini, mari:

- Fikir tentang peluang yang kamu ada untuk membesar bersama adik-beradik dalam Kristus (contohnya berdoa bersama menggunakan buku doa ini). Bersyukur kepada Tuhan buat mereka dan meminta Dia menolong kamu dan gereja Malaysia untuk menggunakan peluang sebegini untuk membesar bersama dalam kebenaran dan kasih.

**HARI 4**

28 Ogos

**Kesatuan adalah saksi baik untuk orang lain  
Makanan rohani ~ Kisah Para Rasul 2:1-13**

Pada hari Pentakosta, ketika pengikut Yesus berdoa bersama, Roh Kudus hadir seperti nyala api yang bertebaran kepada lidah-lidah api kecil lalu hinggap pada kepala setiap orang yang percaya. Ramai yang terpegun dengan kejadian itu dan 3,000 orang diselamatkan pada hari itu (ayat 41). Begitu indah sekali gambaran sebuah gereja



yang bersatu dalam Satu roh dan memberi kesaksian kepada orang lain! Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan melihat betapa pentingnya untuk bersatu supaya kita boleh memberi kesaksian yang baik kepada orang lain.
- Doa supaya kesatuan akan diajarkan di gereja.



Bergantung kepada kuasa dan kekuatan Tuhan untuk kesatuan

**Makanan rohani ~ Roma 15:5-6**

Kita mesti bergantung kepada Tuhan untuk hidup bersatu dengan satu sama lain. Kerana segala yang Yesus telah lakukan untuk kita, kita boleh saling mengasihi dan bertolak ansur dengan satu sama lain. Kita juga mesti membenarkan Roh Kudus bekerja di dalam hati kita dan selalu mengingatkan kita tentang Firman Tuhan dalam Alkitab. Apabila kita bergantung kepada kuasa dan kekuatan Tuhan, kita boleh mencapai kesatuan yang hanya Tuhan boleh berikan.

Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan bergantung kepada kuasa dan kekuatan Tuhan untuk hidup bersatu.
- Doa supaya Tuhan akan menyembuhkan sakit hati di kalangan orang Kristian.



Kesatuan dalam alkitabiah yang sama tentang Yesus

**Makanan rohani ~ 1 Yohanes 1:3**

Para pengikut memberi kesaksian tentang apa yang mereka lihat

dan dengar tentang Yesus. Ini adalah penting supaya mereka yang baru percaya boleh berkongsi apa yang pengikut percaya tentang Yesus. Kalau tidak, bagaimanakah mereka boleh bersetuju dengan para pengikut dan bersatu dengan mereka? Dengan cara yang sama, kesatuan dalam alkitabiah yang sama tentang Yesus mengukuhkan kesatuan orang Kristian. Hari ini, mari:


- Doa supaya gereja Malaysia akan berkongsi alkitabiah yang sama tentang Yesus supaya gereja boleh bersatu dengan kukuh.



Kesatuan berpandukan kebenaran, bukan ketidakpercayaan atau kepercayaan palsu  
**Makanan rohani ~ 1 Kor 11:19**

Kekadang, tiada kesatuan gereja kerana ada orang Kristian yang tidak percaya atau percaya pada perkara yang tidak benar, lantas mereka tidak bersetuju dengan orang Kristian yang mempunyai kepercayaan yang benar. Perpecahan begini melemahkan Gereja. Gereja harus membetulkan sebarang ketidakpercayaan atau kepercayaan palsu tentang Yesus di kalangan jemaat mereka. Dengan itu, gereja Malaysia akan mempunyai kesatuan yang kuat kerana ianya berdasarkan kebenaran, dan bukan ketidakpercayaan atau kepercayaan palsu. Hari ini, mari:

- Doa untuk kesatuan yang berdasarkan kebenaran dalam gereja Malaysia.
- Doa supaya Tuhan memberi kebijaksanaan kepada pemimpin gereja untuk mengenalpasti dan membetulkan ketidakpercayaan atau kepercayaan palsu supaya gereja Malaysia akan mencapai kesatuan yang kuat.



# Minggu 5: Gereja Dalam Memuridkan Bangsa-Bangsa

## Setia dalam kasih!

Minggu ini, kita akan berdoa supaya gereja Malaysia akan menunaikan amanat Tuhan untuk memuridkan bangsa-bangsa seluruh dunia.

Sebuah gereja yang KUAT akan menunaikan amanat Tuhan untuk memuridkan – kedua-dua ahli jemaat dan mereka yang kita bersaksi. Memuridkan bermaksud bersaksi kepada orang lain dengan kasih Tuhan, memberitahu mereka tentang Yesus, dan membantu mereka membesar secara rohani dengan pimpinan dan tunjuk ajar mengenai cara Tuhan dan amanat-Nya. Mari kita berdoa supaya gereja Malaysia akan setia dalam menunaikan amanat Tuhan.

# BERDOA BERPANDUKAN MAZMUR

Minggu ini, mari kita merenung Mazmur 34.

**Berikut adalah cadangan yang kamu boleh gunakan setiap hari:**

## Hari 1

Baca secara lisan Mazmur itu. Pada pendapat kamu, bagaimanakah kedengarannya ahli mazmur itu apabila dia berdoa dengan mazmur ini?

## Hari 2

Ahli mazmur memberi Tuhan pujian yang paling tinggi. Pernahkah kamu memuji Tuhan begitu?

## Hari 3

Ahli mazmur bermegah tentang kebaikan Tuhan kepadanya. Pernahkah kamu bermegah tentang segala yang Tuhan lakukan untuk kamu sebelum ini?

## Hari 4

Ahli mazmur berkata dengan yakin, 'Alami dan lihatlah betapa baiknya Tuhan itu! Mereka yang berlindung pada-Nya akan diberkati.' Adakah kamu mempunyai keyakinan yang Tuhan akan melindungi dan menyediakan keperluan kamu? Imbas kembali suatu masa ketika Dia baik kepada kamu. Puji Dia untuk kebaikan itu.

## Hari 5

Pemazmur mengatakan, 'Marilah anak-anak, dengarkanlah aku, takut



akan Tuhan akan kuajarkan kepadamu.' (ayat 11). Apakah yang dia ajarkan tentang takut akan Tuhan?

## Hari 6

Siapa yang mengajar kamu tentang takut akan Tuhan? Ibu bapa, cikgu atau mungkin seorang penulis? Fikir siapa yang pernah ajar kamu tentang takut akan Tuhan. Bagaimanakah ilmu itu mengubah hubungan kamu dengan Tuhan?

## Hari 7

Pernahkan kamu mengajar orang lain tentang Tuhan? Mungkin adik kamu, atau kawan di sekolah? Apa yang mendorong kamu untuk melakukannya? Pada pendapat kamu, adakah orang itu belajar dari kamu?



# Bahan Doa

**HARI 1**

**1 Sep**

**Menunaikan amanat agung di Malaysia**

**Makanan rohani ~ Markus 16:15-16**

Adakah kita sedang melaksanakan perintah Yesus di Malaysia? Kita, sebagai gereja Malaysia, terdiri daripada pelbagai kebudayaan dan boleh bertutur dalam pelbagai bahasa. Kita boleh bersaksi kepada orang yang mempunyai kebudayaan dan bahasa yang berbeza di dalam hidup kita setiap hari. Adakah kita menggunakan talenta ini? Hari ini, mari:

- Minta Tuhan membuka mata kita untuk melihat mereka yang memerlukan Tuhan.
- Minta Tuhan membantu kita bersaksi kepada mereka dalam kasih dan memberitahu mereka tentang harapan yang ada dalam Dia.

**HARI 2**

**2 Sep**

**Memuridkan Badan Kristus**

**Makanan rohani ~ Matius 28:19-20**

Memuridkan ahli jemaat kita – termasuk kanak-kanak dan belia – dan juga orang baru percaya, adalah amat penting. Jika gereja Malaysia tidak melengkapkan jemaatnya dengan kebenaran Tuhan, mereka akan menerima konsep duniawi yang tidak berasal dari Tuhan. Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan mematuhi arahan Yesus untuk memuridkan bangsa-bangsa.

- Doa supaya pemimpin dan ahli gereja akan mempunyai kebijaksanaan dari Tuhan untuk memuridkan yang lain.

**HARI 3**

**3 Sep**

**Bersaksi merentasi setiap kumpulan budaya dan bahasa**  
**Makanan rohani ~ Kisah Para Rasul 1:8**

Dengan cara yang sama seperti para pengikut zaman dulu yang merantau dari kawasan tempatan ke tempat yang jauh sebagai saksi Yesus, gereja-gereja di Malaysia juga harus merantau dari gereja tempatan mereka untuk merentasi setiap kumpulan budaya dan bahasa di Malaysia. Kumpulan berbeza di Malaysia termasuk mereka yang berbahasa dalam Cina, Tamil, Inggeris dan Melayu. Hari ini, mari:

- Doa supaya setiap kumpulan Kristian di Malaysia akan menyokong satu sama lain dan bersatu.
- Doa supaya Tuhan akan melindungi kebebasan untuk menyembah Dia bagi setiap kumpulan budaya dan bahasa dalam negara kita.

**HARI 4**

**4 Sep**

**Memuridkan Orang Asli Malaysia**  
**Makanan rohani ~ Mazmur 72:4**

Orang asli merupakan kumpulan minoriti dalam Malaysia yang merupakan orang pertama yang menduduki Semenanjung Malaysia. Mereka tidak berkembang pesat sebagai satu kumpulan dan kekal miskin. Hari ini, mari:

- Doa supaya Tuhan melindungi Orang Asli dan kerajaan akan mengakui hak tanah dan agama mereka.

- Doa supaya Tuhan akan memberkati orang muda Orang Asli – mereka akan dimuridkan oleh orang Kristian yang lebih tua, mereka akan cemerlang dalam pelajaran dan mereka akan menjadi pemimpin yang hebat pada masa depan supaya mereka boleh melindungi hak kumpulan mereka.

**HARI 5**

**5 Sep**

**Memuridkan Kristian Bumiputera Pribumi  
Makanan rohani ~ Yosua 1:7**

Kumpulan Kristian Bumiputera Pribumi di Malaysia membentuk 64% daripada komuniti orang Kristian di Malaysia – suatu kumpulan yang besar! Cabaran mereka sekarang adalah untuk melindungi hak tanah dan agama mereka. Kumpulan ini memerlukan pemimpin Kristian sendiri yang kuat untuk memimpin mereka. Hari ini, mari:

- Doa untuk kumpulan ini – mereka merupakan kumpulan orang Kristian yang paling besar di Malaysia – untuk mempunyai pemimpin yang kuat dan berani mengikut jejak Tuhan.
- Doa supaya Tuhan akan melindungi hak tanah dan agama mereka supaya mereka mempunyai kebebasan untuk menyembah Dia dan memilik tanah yang sememangnya milik mereka.

**HARI 6**

**6 Sep**

**Memuridkan generasi muda  
Makanan rohani ~ 2 Tim 2:1-2**

Paulus yang memuridkan seorang pemuda bernama Tim tentang kebenaran Tuhan, mengarahkannya untuk mencari orang yang boleh diharap untuk melakukan hal yang sama – memimpin dan mengajar orang lain tentang kebenaran Tuhan. Memuridkan generasi muda

seperti yang dilakukan oleh Paulus adalah amat penting jika kita menginginkan generasi akan datang (kamu semua!) untuk menjadi orang yang kuat secara rohani dan tidak dipengaruhi oleh budaya dunia. Hari ini, mari:

- Doa supaya orang yang boleh diharap akan sudi memuridkan belia dan kanak-kanak.
- Doa supaya generasi muda akan membesar dengan KUAT dalam Tuhan dan tidak mengikuti cara duniawi yang merendahkan piawaian moral, pentingkan diri sendiri, dan menilai kekayaan dan kebendaan daripada seseorang itu.



Memuridkan bangsa-bangsa seluruh dunia

**Makanan rohani ~ Matius 28:19**

Kini ramai orang asing, pelajar dan pelarian, datang ke Malaysia dan kita kerap bertemu dengan mereka di tempat kerja, tempat belajar, tempat menyembah dan tempat tinggal kita. Bukan itu saja, orang Malaysia yang mengembara ke negara lain juga sering bertemu dengan orang luar negara. 'Memuridkan bangsa-bangsa seluruh dunia', seperti yang diperintah oleh Yesus menjadi sesuatu yang amat mungkin untuk gereja Malaysia. Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan bersaksi kepada orang asing dan luar negara yang berada dalam negara kita.
- Doa supaya orang Malaysia yang mengembara ke luar negara akan bersaksi secara aktif kepada orang yang mereka bertemu di situ dan menyokong gereja tempatan di situ.

# Minggu 6: Gereja Dan Injil Kerajaan Tuhan

## Kasihi Kerajaan-Nya!

Minggu ini, kita akan berdoa supaya gereja Malaysia akan mengutamakan kerajaan Tuhan.

Sebagai warga kerajaan Tuhan, kita perlu menghormati Tuhan sebagai Raja kita dan meminta kuasa-Nya ke atas hidup kita. Tuhan menjanjikan apabila kita mencari dahulu kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya, Dia akan memenuhi semua keperluan kita. Minggu ini, mari kita berdoa supaya gereja Malaysia akan mengutamakan Tuhan dan kerajaan-Nya supaya gereja akan selari dengan rencana Tuhan dan kekal KUAT.



# DOAKAN SERANGKAP MAZMUR

Minggu ini, mari kita merenung Mazmur 103.

Berikut adalah cadangan yang kamu boleh gunakan setiap hari:

## Hari 1

Baca secara lisan Mazmur itu. Pada pendapat kamu, bagaimanakah kedengarannya ahli mazmur itu apabila dia berdoa dengan mazmur ini?

## Hari 2

Mazmur ini adalah suatu mazmur pujian kepada Tuhan atas kebaikan dan pengampunan-Nya kepada kita. Bahagian mana dalam mazmur ini yang menyentuh hati kamu? Bersyukur pada Tuhan atas kebaikan dan pengampunan-Nya kepada kamu.

## Hari 3

Ahli mazmur memuji Tuhan dengan sepenuh raga hatinya. Itu adalah pujian yang jujur! Pernahkah kamu memuji Tuhan sebegitu? Apa kata kamu memujinya dengan penuh tulus ikhlas sekarang.

## Hari 4

Ahli mazmur bercerita tentang dirinya di dalam mazmur ini, mengingatkan dirinya untuk tidak lupa pada kebaikan Tuhan. Pernahkah kamu mengingatkan diri untuk tidak lupa pada kebaikan Tuhan kepada kamu? Pernahkah kamu menyenaraikan semua perkara baik yang Tuhan telah lakukan untuk kamu? Apa kata kamu mencubanya hari ini? Tulis atau sebut lima perkara yang Tuhan telah lakukan untuk kamu.

## Hari 5


Ahli mazmur bercerita tentang kasih mendalam Tuhan untuk kita dalam ayat 10-18. Adakah ayat-ayat ini menyakinkan kamu tentang kasih Tuhan untuk kamu? Renungkan ayat-ayat ini dan betapa dalamnya kasih Tuhan pada kamu.

## Hari 6

Ahli mazmur bercerita tentang Tuhan sebagai Raja dan layak menerima pujian tertinggi (ayat 19-22). Dia pinta semua malaikat dan hasil ciptaan-Nya memberi Dia pujian. Fikirkan segala hasil ciptaan-Nya memberi Dia pujian tertinggi. Betapa hebatnya Tuhan kita!

## Hari 7

Tidakkah Raja segala raja, yang baik dan berhati mulia, penuh dengan kasih, layak untuk segala pujian? Berikan kepada Tuhan, pencipta dan bapa penyayang kamu, pujian tertinggi kamu.





# Bahan Doa

**HARI 1**

**8 Sep**

Mencari dahulu kerajaan Tuhan  
**Makanan rohani ~ Matius 6:33**



Apakah ertinya untuk mencari dahulu kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya? Sesungguhnya ia mengenai penerimaan Yesus sebagai Raja segalanya dalam hidup kamu, memuji-Nya sebagai raja Kamu, dan menjalani hidup dengan nilai murni-Nya seperti yang diamanatkan. Sebagai warga kerajaan Tuhan, adakah kamu melakukan semua itu? Hari ini, mari:

- Minta Tuhan membantu kamu mencari dahulu kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya setiap hari.
- Minta Roh Kudus menunjukkan kepada kamu apa yang selalu bersaing dengan pemerintahan Tuhan dalam hidup kamu. Minta Tuhan membantu kamu untuk mengutamakan Dia terlebih dahulu.

**HARI 2**

**9 Sep**

Mereka yang miskin dalam kerajaan Tuhan  
**Makanan rohani ~ Lukas 6:20**

Walaupun Tuhan menyambut semua orang, Dia mempunyai tempat istimewa untuk mereka yang miskin dalam kerajaan-Nya. Cabaran yang mereka hadapi dalam kekurangan menyentuh hati Tuhan, dan seperti yang dinyatakan dalam Amsal 19:17, 'Siapa menaruh belas kasihan kepada orang yang lemah, memiutangi Tuhan, yang akan

membalas perbuatannya itu'. Tuhan Sendiri akan mengawasi mereka!  
Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan selari dengan hati Tuhan untuk mereka yang miskin dan bantu memenuhi keperluan mereka.
- Doa supaya mereka yang miskin di Malaysia akan menyertai kerajaan Tuhan menerusi gereja yang baik hati.

**HARI 3**

**10 Sep**

**Berdoa untuk kerajaan Tuhan**

**Makanan rohani ~ Matius 6:9-10**

Salah satu perkara yang harus kita utamakan dalam doa kita adalah kerajaan Tuhan. Bacaan hari ini adalah sebahagian daripada doa Yesus yang mengajar kita untuk berdoa supaya datangnya kerajaannya, jadinya kehendak-Nya di bumi seperti di syurga. Apa yang kita doakan adalah untuk Tuhan ditinggikan sebagai Raja dalam hidup kita tidak kira di mana kita berada, dan supaya kehendak-Nya akan dilaksanakan. Apabila kerajaan Tuhan diutamakan, Dia bertindak dengan hebatnya. Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan berdoa untuk kerajaan Tuhan.
- Doa supaya gereja Malaysia akan menunaikan rencana Tuhan yang sempurna supaya Dia boleh bertindak dengan hebat di kalangan kita.

**HARI 4**

**11 Sep**

**Kerajaan Tuhan dalam kita**

**Makanan rohani ~ Lukas 17:20-21**

Di manakah kerajaan Tuhan? Yesus menjelaskan kepada Farisi yang

kerajaan Tuhan tidak ditemui menerusi pemerhatian musim dan waktu, mahupun ianya suatu tempat. Sebenarnya ia ditemui dalam seseorang! Apabila kita menjadikan Yesus sebagai Raja dalam hidup kita, di situlah kerajaan-Nya bertakhta. Adakah Yesus Raja kamu? Hari ini, mari:

- Doa supaya semua orang dalam negara kita akan mencari dan menemui Tuhan dan kerajaan-Nya.
- Bersyukur pada Tuhan atas keamanan, kemuliaan dan sukacita yang kita alami dalam kerajaan-Nya. Doa supaya negara kita akan mengalaminya juga.



Kita memerlukan rahmat dan kuasa Tuhan untuk menyertai kerajaan Tuhan

**Makanan rohani ~ Kisah Para Rasul 14:22b**

Menyertai kerajaan Tuhan tidak mudah. Kita perlu melepaskan keinginan untuk mengawal, berpaling daripada hidup berdosa dan mengikuti Yesus supaya kerajaan Tuhan boleh bertakhta dalam kita. Menuruti arahan Yesus turut akan membawa masalah kepada kita – apabila



pengikut Yesus menurut arahnya untuk berkongsi berita baik, mereka dianiyai dan melalui pelbagai penderitaan. Hari ini, mari:

- Minta Tuhan memberi kita dan gereja Malaysia rahmat dan kuasa-Nya supaya kita boleh menyertai kerajaan-Nya dan mengikuti Dia.
- Bersyukur kepada Tuhan kerana memenuhi kita dengan keamanan, kemuliaan dan sukacita-Nya apabila kita mengikuti Dia walaupun ianya tidak mudah.



HARI 6

13 Sep

Mengisytiharkan berita baik kerajaan Tuhan  
Makanan rohani ~ Markus 1:14-15

Apakah berita baik yang ingin kita isytiharkan? Ia adalah Tuhan telah mengajak SEMUA orang untuk menyertai kerajaan-Nya. Sesiapa yang bertaubat dan percaya kepada-Nya akan menyertai kerajaan-Nya dan memiliki hidup kekal. Kita juga harus mengisytiharkan bahawa semua perihal adalah di bawah kuasa Yesus dan nilai dan arahan-Nya harus ditinggikan dalam masyarakat dan negara kita. Inilah berita baik Kerajaan Tuhan yang harus kita isytiharkan dengan setia. Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan setia mengisytiharkan berita baik ini.
- Doa supaya hidup kita bersinar terang untuk Tuhan dengan lebih berkesan daripada kata-kata kita.
- Doa supaya berita baik ini akan diterima dengan hati terbuka dalam negara kita.

HARI 7


14 Sep

Berjuang dalam kerajaan Tuhan

Makanan rohani ~ Efesus 6:10-13

Apabila kita berjuang dalam kerajaan Tuhan, kita bukan bergelut dengan apa yang kelihatan dalam dunia fizikal tetapi dalam dunia rohani. Inilah sebabnya kita harus berdiri kukuh dalam kuasa Tuhan kerana kuasa-Nya yang akan memenangi pertarungan kita. Jika gereja Malaysia ingin meraih kemenangan dalam masalah yang dihadapi, kita perlu terlebih dahulu meraih kemenangan dalam dunia rohani. Mari kita berdiri kukuh dalam Tuhan dan berdoa agar KERAJAAN-NYA akan bertakhta di Malaysia. Hari ini, mari:

- Doa supaya gereja Malaysia akan kekal di dalam Tuhan dan menjadi orang Kristian yang berdedikasi supaya kita boleh berdiri kukuh dalam dunia rohani.
- Doa supaya kita akan menjadi berani untuk menghadapi cabaran, dan bergantung kepada kuasa dan kekuatan-Nya.



# Minggu 7: Mengimpak Dan Membina Negara

## Kasih yang mengundang perubahan!

Minggu ini, kita akan berdoa supaya gereja Malaysia akan menjadi garam dan terang dunia di Malaysia.

Sebuah gereja yang KUAT akan mengundang perubahan untuk Tuhan. Mengimbas kembali perumpamaan tentang sepuluh orang anak dara, mari kita berdoa supaya gereja Malaysia akan mempunyai lampu yang bersinar terang untuk Yesus. Mari kita berdoa supaya gereja akan sentiasa mempunyai minyak dalam lampu kita – hubungan intim dengan Yesus – supaya kasih kita pada Yesus akan mendorong kita membuat segala yang diamanatkannya: untuk saling mengasihi dan bersatu, untuk memuridkan bangsa-bangsa seluruh dunia, dan untuk mengutamakan kerajaan dan kebenaran-Nya. Mari kita berdoa supaya gereja Malaysia akan menjadi seorang pengantin perempuan yang indah, penuh dengan kasih untuk Yesus dan kerja baik, supaya kita boleh bersinar terang untuk-Nya, memuliakan dan meninggikan Nama-Nya! Amin!

# DOAKAN SERANGKAP MAZMUR

Minggu ini, mari kita merenung Mazmur 40.

## Hari 1

Ahli mazmur mengisytiharkan kebaikan dan kasih Tuhan kepadanya menerusi seluruh Mazmur. Dia menyatakan dalam ayat 9-10, dia mengisytiharkannya di depan orang ramai, tidak mengunci mulutnya dan tidak menyembunyikan kebaikan dan kemuliaan Tuhan dalam hatinya. Dia mengisytiharkan dan menyebarkannya kepada semua orang! Apakah yang kamu lakukan apabila Tuhan baik kepada kamu atau menyelesaikan masalah kamu... adakah kamu menyembunyikannya di dalam hati, atau kamu berkongsi dengan orang lain supaya mereka boleh memuji Dia? Hari ini, bersyukur pada Tuhan atas segala yang Dia lakukan untuk kamu. Aku mendorong kamu untuk membuat keputusan dalam hati kamu untuk membuka mulut dan menyebarkan kepada orang lain tentang segala yang Dia telah lakukan untuk kamu!



## Bahan Doa

**HARI 1**

**15 Sep**

**Menjadi garam di Malaysia**

**Makanan rohani ~Matius 5:13**


Gereja adalah perisa kepada masyarakat; segala yang Tuhan berikan kepada kita – kasih dan nilai-Nya – mampu mengubah masyarakat untuk kemuliaan-Nya. Namun begitu, untuk memastikan `garam` kita menyentuh hati orang lain, kita perlu memastikan diri kita berhubung dengan mereka! Jika kita hanya kekal di dalam bekas kita (gereja), aroma Tuhan tidak akan mengundang perubahan di Malaysia.

Hari ini, mari berdoa supaya gereja Malaysia akan menjadi garam menerusi cara-cara berikut:

- Kita akan hidup berdasarkan piawaian Tuhan dan mengundang perubahan ke dalam masyarakat.
- Kita akan berhubung dengan orang lain, dan tidak hanya bergaul sesama diri di gereja.
- Kita akan bersatu dan bekerjasama untuk mempengaruhi masyarakat.

# TAHNIAH!!!

**Kamu telah sampai ke penghujung!**



**Ambil masa seketika untuk berterima kasih kepada Tuhan atas masa yang diluangkan bersama-Nya.**

Saya percaya kamu telah diberkati oleh masa yang diluangkan bersama Yesus. Kekal rapat dengan Dia supaya kamu akan sentiasa mempunyai minyak untuk lampu kamu terus bersinar terang untuk-Nya!

**Jumpa lagi tahun depan!**



Dikumpul dan disediakan oleh NECF Malaysia  
32, Jalan SS2/103, Petaling Jaya  
47300, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel:03-77278227 Faks:03-77291139  
Emel:prayer@necf.org.my  
[www.necf.org.my](http://www.necf.org.my)